

TERJEMAHAN MICROSOFT (MsT) DAN TERJEMAHAN MANUSIA (HT) DALAM MENTERJEMAH ULASAN MOOTHURAI KE BAHASA MELAYU: SATU PERBANDINGAN

MICROSOFT TRANSLATION (MsT) VS HUMAN TRANSLATION (HT) IN TRANSLATING MOOTHURAI COMMENTARIES INTO MALAY: A COMPARISON

Kogila Sriraman^{1*}
Muniisvaran Kumar²

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia, (E-mail: kogilasriraman13@gmail.com)

² Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia, (E-mail: (E-mail: muniisvaran@fbk.ups.edu.my))

*Corresponding author: kogilasriraman13@gmail.com

Article history

Received date : 7-11-2025

Revised date : 8-11-2025

Accepted date : 28-12-2025

Published date : 29-12-2025

To cite this document:

Sriraman, K., & Kumar, M. (2025). Terjemahan Microsoft (MsT) dan terjemahan manusia (HT) dalam menterjemah ulasan Moothurai ke Bahasa Melayu: Satu perbandingan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (79), 320 – 335.

Abstrak: Moothurai ialah karya sastera klasik dalam bahasa Tamil yang terkenal dengan nilai etika dan falsafah sejagatnya. Moothurai merupakan sebuah karya moral yang dikarang oleh Auvaiyar, seorang tokoh sasterawan Tamil yang berpengaruh. Nama Moothurai berasal daripada perkataan mutumai, yang bermaksud tua atau kuno, dan urai, yang bermaksud ucapan atau ajaran. Judul ini diberikan kerana karya tersebut mengandungi prinsip-prinsip moral yang bersifat mendalam serta berakar daripada kebijaksanaan lama. Karya ini juga dikenali dengan nama Vaakkundaam, yang diambil daripada lagu pujian kepada Tuhan pada bahagian awal buku yang dimulakan dengan frasa Vaakkundaam iaitu gabungan perkataan vaakku (perkataan atau ucapan) dan undaam (akan wujud). Moothurai terdiri daripada 31 puisi Venpaa, dan setiap Venpa menekankan satu idea atau prinsip moral yang berbeza. Terjemahan karya ini ke dalam bahasa Melayu memainkan peranan penting dalam memperluas jangkauan pemahaman khalayak, sekali gus memupuk nilai-nilai sejagat dalam konteks budaya tempatan. Kajian ini bertujuan meneroka penggunaan Terjemahan Microsoft (MsT) dan Terjemahan Manusia (HT) dalam penterjemahan ulasan Moothurai ke dalam bahasa Melayu, dengan memberi tumpuan kepada Venpa 1 hingga Venpa 10. Objektif utama kajian adalah untuk mengenal pasti teknik-teknik terjemahan yang digunakan oleh MsT dan HT serta menilai tahap ketepatannya. Analisis ini berpanduan Teori Terjemahan Peter Newmark (1988), yang menyediakan kerangka konseptual bagi meneliti prosedur dan kaedah penterjemahan. Menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif, kajian ini mengumpulkan data melalui analisis teks dan kaedah tinjauan bagi memperoleh pemahaman yang lebih menyeluruh terhadap hasil terjemahan. Penemuan dan perbincangan kajian menunjukkan wujudnya perbezaan ketara antara hasil terjemahan MsT dan HT, serta mendedahkan bagaimana kecerdasan buatan (AI) dan kecerdasan manusia memberikan pengaruh yang berbeza terhadap teks sasaran (TT) dari segi gaya, makna dan kehalusan budaya.

Kata Kunci: *Terjemahan, Moothurai, Peter Newmark, Terjemahan Microsoft (MsT), Terjemahan Manusia (HT)*

Abstract: *Moothurai is a classical Tamil literary work renowned for its ethical values and universal philosophy. It is a moral text composed by Auvaiyar, an influential Tamil poet and scholar. The name Moothurai is derived from the words mutumai, meaning “ancient” or “old,” and urai, meaning “speech” or “teaching.” The title reflects the text’s profound moral principles rooted in ancient wisdom. This work is also known as Vaakkundaam, a name taken from the opening hymn of praise to God that begins with the phrase Vaakkundaam a compound of vaakku (word or speech) and undaam (to exist). Moothurai consists of 31 Venpaa poems, each emphasizing a distinct moral idea or principle. The translation of this work into Malay plays a vital role in broadening the audience’s understanding and fostering universal values within the local cultural context. This study aims to explore the use of Microsoft Translation (MsT) and Human Translation (HT) in translating commentaries of Moothurai into Malay, focusing on Venpa 1 to Venpa 10. The main objectives are to identify the translation techniques employed by MsT and HT and to evaluate their accuracy. The analysis is guided by Peter Newmark’s (1988) Translation Theory, which provides a conceptual framework for examining translation procedures and methods. Using a qualitative research design, the study collects data through text analysis and survey methods to gain a comprehensive understanding of the translation outcomes. The findings and discussion reveal notable differences between MsT and HT outputs, highlighting how artificial intelligence (AI) and human intelligence exert distinct influences on the target text (TT) in terms of style, meaning, and cultural nuance.*

Keywords: *Translation, Moothurai, Peter Newmark, Microsoft Translation (MsT), Human Translation (HT)*

Pengenalan

Teknologi terjemahan merujuk kepada alat digital khas yang membantu menterjemahkan teks bertulis daripada satu bahasa ke bahasa lain dengan lebih cepat, tepat dan efisien. Pada asasnya, teknologi ini berfungsi seperti alat bantu lain yang dicipta untuk memudahkan tugas manusia, namun dalam konteks bahasa, ia turut mempertingkatkan tahap kefahaman dan komunikasi rentas budaya. Alat teknologi terjemahan meliputi pelbagai bentuk seperti perisian pengurusan istilah, mesin penterjemah automatik, pembantu maya linguistik serta sistem pengecaman suara yang mampu menukar pertuturan kepada teks bertulis. Dahulu, proses terjemahan dilakukan secara manual dengan rujukan kepada kamus dan analisis linguistik oleh penterjemah manusia. Namun, perkembangan pesat teknologi digital telah mengubah landskap ini secara menyeluruh.

Dalam tempoh sedekad yang lalu, teknologi terjemahan berkembang pesat dengan kemunculan aplikasi mudah alih, fon kepala pintar dan peranti saku yang membolehkan pengguna mengakses terjemahan secara langsung di mana sahaja. Kemajuan ini amat berguna terutama dalam situasi kekangan capaian internet, di mana keperluan komunikasi antara bahasa masih diperlukan. Kini, penyelidikan sedang giat dijalankan untuk mempertingkatkan keupayaan teknologi terjemahan dalam memahami kepelbagaian dialek, konteks budaya dan gaya pertuturan. Perkembangan masa hadapan dijangka menggabungkan kecerdasan buatan (AI) dengan pembacaan bibir automatik dan analisis semantik lanjutan bagi menghasilkan terjemahan yang lebih kontekstual dan bernuansa manusia.

Peranan teknologi juga semakin ketara dalam bidang sastera, yang merupakan wadah penting bagi ekspresi budaya dan nilai kemanusiaan. Sastera merangkumi pelbagai bentuk karya seperti cerpen, puisi dan drama yang mencerminkan pemikiran, emosi dan falsafah masyarakat. Dalam konteks ini, teknologi terjemahan telah membuka ruang baharu untuk memperluas capaian

karya sastra rentas bahasa dan sempadan geografi. Walau bagaimanapun, penterjemahan sastra tidak hanya melibatkan pemindahan makna linguistik semata-mata, tetapi juga pengekal gaya, emosi dan keindahan karya asal. Hal ini menjadikan terjemahan sastra lebih kompleks kerana setiap perkataan, metafora, jenaka dan ritma bahasa asal perlu disesuaikan agar mesej serta kehalusan estetikanya tetap terpelihara dalam bahasa sasaran.

Oleh itu, penterjemah sastra bukan sekadar penukar kata, tetapi pengarang semula yang memahami makna tersirat dan konteks budaya karya asal. Mereka perlu memiliki kepekaan terhadap gaya penulisan, pemilihan diksi, serta unsur irama dan perasaan. Dalam hal ini, proses terjemahan sering kali memerlukan penyesuaian kreatif bagi memastikan roh dan jiwa karya asal tidak hilang. Penterjemahan puisi, misalnya, menuntut kehalusan tafsiran terhadap simbolisme dan metafora yang tidak selalu dapat diterjemahkan secara literal. Justeru, keseimbangan antara ketepatan makna dan keindahan bahasa merupakan cabaran utama dalam penterjemahan sastra.

Antara karya klasik yang memperlihatkan keunikan tersebut ialah *Moothurai*, sebuah karya moral dalam bahasa Tamil yang dikarang oleh tokoh sasterawan terkemuka, Avvaiyar. Istilah *Moothurai* berasal daripada perkataan *mooppu* atau *mutumai* yang bermaksud “tua” atau “kuno”, digabungkan dengan *urai* yang bermaksud “ucapan” atau “ajaran”. Judul ini diberikan kerana karya tersebut sarat dengan ajaran moral dan nilai etika yang bersifat abadi. *Moothurai* turut dikenali sebagai *Vaakkundaam*, bersempena lagu pujian kepada Tuhan di permulaan karya tersebut yang bermula dengan frasa “*Vaakkundaam*”.

Kajian ini bertujuan meneroka kehalusan dalam penterjemahan karya klasik Tamil seperti *Moothurai* dengan menggunakan dua pendekatan iaitu Terjemahan *Microsoft (Machine Translation, MsT)* dan Terjemahan Manusia (*Human Translation, HT*). Fokus utama diberikan kepada pemeliharaan nilai budaya, makna semantik dan keaslian mesej dalam konteks terjemahan automatik berasaskan AI yang semakin meluas penggunaannya. Dengan menganalisis cabaran serta kelebihan kedua-dua pendekatan ini, kajian ini diharap dapat memberi panduan berharga kepada pendidik, ahli bahasa, dan pembangun teknologi AI dalam memahami implikasi linguistik serta budaya dalam penterjemahan karya sastra klasik.

Ulasan Literatur

Pelbagai kajian telah dijalankan berkaitan terjemahan karya *Moothurai*. Para sarjana dari pelbagai perspektif telah melakukan analisis terhadap hasil terjemahannya. Beberapa kajian terdahulu dijadikan rujukan utama dalam penyelidikan ini. Berdasarkan sorotan tersebut, didapati bahawa kajian tentang karya dan terjemahan *Auvaiyar* masih sangat terhad.

Kajian pertama ialah oleh Ezhilarasan (Venkatachalam, 2017) yang bertajuk “*Moothurai Translation Song 1 to 10*”. Kajian ini membandingkan terjemahan *Moothurai* dari sudut maksud dan ketepatan makna. Tujuan kajian adalah untuk membandingkan huraian *Moothurai* karya Avvaiyar dengan terjemahan Bahasa Melayu serta mengenal pasti teknik terjemahan yang digunakan dalam menyampaikan makna ke dalam Bahasa Inggeris. Penyelidik turut menganalisis perubahan makna yang berlaku sepanjang proses terjemahan dan menilai kesetiaan terjemahan terhadap teks sumber. Dapatan menunjukkan bahawa penterjemah menghasilkan terjemahan berdasarkan tahap pengetahuan dan kemahiran masing-masing. Kajian ini menggunakan pendekatan Terjemahan Manusia (*Human Translation, HT*).

Kajian kedua ialah oleh Malarvizhi (2018) yang bertajuk “Pemikiran Kehidupan dalam Moothurai”. Kajian ini menganalisis gagasan pemikiran kehidupan yang terkandung dalam karya *Moothurai* hasil tulisan Avvaiyar. Seterusnya, Jayabarathi (2017) melalui kajian bertajuk “Keagungan Avvaiyar” meneliti nilai kesusasteraan dan keindahan bahasa dalam karya-karya Avvaiyar. Secara keseluruhan, kajian yang menjadikan karya Avvaiyar sebagai fokus utama masih terhad, manakala kajian berkaitan terjemahan karya beliau belum banyak dijalankan. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi menterjemah karya Avvaiyar dan menilai ketepatan serta ketelitian hasil terjemahan tersebut. Seperti kajian terdahulu, kajian ini turut menggunakan pendekatan HT.

Kajian ketiga bertajuk “Terjemahan Bahasa Inggeris Ulasan *Moothurai* Avvaiyar: Satu Kajian Perbandingan” oleh Gomathi et al. (2023). Kajian ini bertujuan untuk membandingkan dan menjelaskan terjemahan *Moothurai* ke dalam Bahasa Inggeris, mengenal pasti teori terjemahan yang diaplikasikan oleh penterjemah dalam menyampaikan makna bagi kesemua 30 rangkap *Moothurai*, serta menganalisis perbezaan konteks dan contoh yang digunakan dalam proses terjemahan. Hasil kajian menunjukkan bahawa proses terjemahan yang sistematik amat penting bagi mengelakkan salah tafsiran atau herotan makna karya sastra asal. Walaupun terjemahan Gomathi et al. (2023) bersifat ringkas dan mudah difahami, namun dilihat kurang menonjolkan keindahan bahasa asal karya *Moothurai*. Kajian ini juga menggunakan kaedah HT.

Secara keseluruhan, kebanyakan kajian terdahulu menggunakan pendekatan HT dalam menterjemah *Moothurai*. Hanya segelintir kajian yang menggunakan Terjemahan Mesin (*Machine Translation*, MT). Semua kajian di atas meneliti perbezaan makna dan mesej yang berlaku akibat proses terjemahan. Walau bagaimanapun, kajian ini berbeza kerana menggunakan perisian terjemahan *Microsoft* bagi menterjemah *Moothurai* ke dalam Bahasa Melayu, sekaligus menilai keberkesanan dan ketepatan terjemahan mesin terhadap karya sastra klasik.

Metodologi dan Skop Kajian

Penyelidikan kualitatif melibatkan pengumpulan dan analisis data bukan berangka seperti teks, video, atau audio bagi memahami secara mendalam idea, pendapat, dan pengalaman manusia. Kaedah ini berupaya mendedahkan maklumat yang kompleks serta menjana pemahaman dan idea baharu dalam konteks penyelidikan. Berbeza dengan penyelidikan kuantitatif yang menganalisis data berangka secara statistik, penyelidikan kualitatif lebih sesuai digunakan dalam bidang kemanusiaan dan sains sosial seperti antropologi, sosiologi, pendidikan, sains kesihatan, dan sejarah.

Kajian ini bersifat kualitatif deskriptif, dan semua data diperoleh melalui analisis teks serta kaedah tinjauan dokumentasi. Data yang dikumpul diuraikan secara terperinci dalam bahagian penemuan dan perbincangan.

Dalam kajian ini, teks *Moothurai* digunakan sebagai sumber data utama. Daripada keseluruhan 30 rangkap *Venpa*, kajian ini memfokuskan kepada 10 rangkap pertama (*Venpa* 1 hingga *Venpa* 10). Setiap lirik daripada rangkap tersebut digunakan sebagai data kajian utama. Sebanyak 10 *Venpa* telah dipilih sebagai sampel, dan setiap liriknya dimasukkan ke dalam perisian *Microsoft Translator* (MsT) untuk diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Hasil terjemahan ini kemudiannya dibandingkan dengan Terjemahan Manusia (*Human Translation*, HT) bagi mengenal pasti perbezaan dari segi makna, gaya, dan kesetiaan terhadap teks asal.

MsT ialah perisian terjemahan automatik yang digunakan untuk menterjemah perkataan atau frasa ke dalam bahasa lain dalam platform *Microsoft*, termasuk *Microsoft Word*. Aplikasi ini boleh diakses secara percuma dan merupakan salah satu perisian terjemahan mesin (*Machine Translation*, MT) yang sering digunakan dalam penyelidikan linguistik dan bahasa.

Kerangka teori kajian ini berasaskan teori terjemahan persamaan dinamik (*dynamic equivalence*) yang dikemukakan oleh Nida (1964). Teori ini diaplikasikan untuk menilai ketepatan dan kesepadanan makna dalam terjemahan *Moothurai* yang dihasilkan melalui HT. Menurut Nida (1964), terjemahan ialah proses penghasilan semula mesej bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran berdasarkan persamaan makna dan gaya yang paling dekat dengan teks asal.

Selain itu, Zubaidah (2006) menjelaskan bahawa penterjemahan teks oleh manusia bertujuan mengekalkan kesamaan makna dengan teks sumber kerana makna mencerminkan nilai kehidupan dan perlakuan manusia. Menurut Palanisamy (2018), penterjemahan teks bahasa Tamil ke Bahasa Melayu harus memberi perhatian terhadap pemeliharaan makna asal dalam kedua-dua bahasa bagi mengelakkan kesilapan semantik dan penyimpangan mesej dalam penterjemahan *Moothurai*.

Secara keseluruhan, kedua-dua jenis terjemahan iaitu MsT dan HT digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Hasil terjemahan kemudian dianalisis secara perbandingan untuk mengenal pasti tahap ketepatan, kesepadanan makna, dan kesetiaan terhadap teks asal, yang seterusnya dihuraikan dalam bahagian penemuan dan perbincangan.

Dapatan Kajian

Teori Terjemahan Peter Newmark (1988) memainkan peranan penting dalam analisis kajian ini terhadap Terjemahan *Microsoft* (MsT) dan Terjemahan Manusia (HT). Kerangka teori beliau membezakan antara dua pendekatan utama, iaitu:

1. Terjemahan Semantik – memberi keutamaan kepada pemeliharaan makna asal teks sumber serta nuansa budaya yang terkandung di dalamnya; dan
2. Terjemahan Komunikatif – menekankan kebolehbacaan, kefahaman, dan kesesuaian mesej kepada khalayak sasaran.

Dalam konteks kajian ini, MsT didapati cenderung menggunakan pendekatan literal atau perkataan demi perkataan, yang merupakan cabang daripada terjemahan semantik. Walaupun pendekatan ini menjamin ketepatan linguistik secara permukaan, ia sering gagal mengekspresikan makna tersirat, nilai budaya, dan unsur metafora yang terdapat dalam *Moothurai*. Kekangan ini mengakibatkan berlakunya penyimpangan makna dalam konteks sebenar teks sastera tersebut.

Sebaliknya, HT seperti yang dijelaskan melalui pendekatan Nida (1964), menggabungkan unsur semantik dan komunikatif dalam proses terjemahan. Hasil terjemahan manusia berjaya mengekalkan kekayaan budaya, nilai moral, dan keindahan bahasa *Venpa* dalam *Moothurai*, di samping memastikan maksudnya mudah difahami oleh pembaca Bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, penggunaan kosa kata yang terlalu klasik atau kompleks oleh penterjemah kadangkala boleh menjejaskan kefahaman pembaca umum.

Rumusannya, Teori Newmark (1988) menekankan kepentingan keseimbangan antara kesetiaan terhadap teks asal dan penerimaan pembaca sasaran. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa walaupun MsT menawarkan kelebihan dari segi kecekapan masa dan sumber, pendekatan HT

lebih unggul kerana mampu memelihara nilai sastera, lapisan makna, dan konteks budaya yang mendalam. Oleh itu, HT lebih sesuai digunakan dalam penterjemahan karya sastera klasik seperti *Moothurai*.



Rajah 1: Rajah-V Newmark (1988)

Perbezaan dalam Penterjemahan: Kaedah MsT dan HT

Berdasarkan data yang dikumpulkan melalui kaedah *Microsoft Translation* (MsT) dan *Human Translation* (HT), analisis menunjukkan perbezaan ketara dalam proses serta hasil penterjemahan antara kedua-dua pendekatan tersebut.

Jadual 1 memaparkan hasil terjemahan *Moothurai* yang dijana menggunakan MsT. Proses terjemahan ini dijalankan menggunakan komputer riba dan perisian *Microsoft Word*, yang menyediakan fungsi terjemahan automatik secara percuma dan menyokong pelbagai bahasa. Namun begitu, kecerdasan buatan (AI) yang digunakan dalam sistem ini menunjukkan tahap ketepatan yang masih terhad.

Dalam kajian ini, Jadual 1 menampilkan hasil terjemahan bagi 10 rangkap *Venpa* pertama (*Venpa* 1 hingga *Venpa* 10) daripada keseluruhan 30 rangkap *Moothurai*. Pemerhatian terhadap jadual tersebut mendapati terdapat banyak perbezaan serta ketidaktepatan dalam terjemahan MsT berbanding terjemahan manusia. Bahagian-bahagian yang disorot dalam jadual menandakan kesilapan semantik, sintaksis, dan kontekstual yang telah dikenal pasti dalam hasil terjemahan MsT. Kesilapan ini memberi kesan yang ketara terhadap makna asal dan mesej budaya teks sumber. Hal ini menyebabkan hasil terjemahan MsT gagal menzahirkan mesej sebenar yang terkandung dalam *Moothurai*, sekali gus menjejaskan ketepatan interpretasi teks sastera tersebut.

Secara keseluruhannya, data yang dipersembahkan melalui jadual menunjukkan bahawa terjemahan menggunakan MsT masih mempunyai kelemahan yang ketara dari segi ketepatan makna, kepekaan budaya, dan struktur bahasa. Keterbatasan kecerdasan buatan menyebabkan AI tidak dapat menyesuaikan penterjemahan dengan keperluan pembaca sasaran. Kelemahan ini membawa kepada kesilapan dalam pemilihan perkataan, penyusunan ayat, dan tafsiran makna.

Selain itu, kompleksiti leksikal dalam bahasa Tamil, yang mengandungi makna pelbagai lapis dan dimensi budaya yang mendalam, tidak diberi perhatian sewajarnya oleh sistem AI. Keadaan ini menonjolkan jurang ketara antara hasil MsT dan HT, di mana HT terbukti lebih berupaya mengekalkan kesetiaan, keindahan bahasa, serta kehalusan makna asal Moothurai.

Jadual 1: Terjemahan *Microsoft* (MsT) *Moothurai*

Nombor Venpa	Lirik Venpa	Penterjemahan Microsoft (MsT)
1	நன்றி ஒருவர்க்குச் செய்தக்கால் அந்நன்றி 'என்று தருங்சகால்' எனவவண்டாம் - நின்று தளரா வளர்சதங்கு தாளுண்ட நீரரத் தரையாவை தான்தருத ணால்.	Apabila kita menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan, janganlah sekali-kali mengharapkan sebarang balasan atau ucapan terima kasih. Ini diibaratkan seperti pokok kelapa yang menyerap air dari akarnya di bawah tanah, tetapi kemudiannya menghasilkan air yang manis di bahagian pucuknya.
2	நல்ணார் ஒருவர்க்குச் செய்த உபகாரம் கல்வேல் எழுத்துப்பவால் காணுவே - அல்ணாத ஈரமிணா சநஞ்ெத்தார்க் கீந்த உபகாரம் நீர் வேல் எழுத்துக்கு வநர்.	Bantuan yang dihulurkan kepada orang yang baik adalah seperti ukiran huruf pada batu; ia kekal dan tidak akan luput. Namun, bantuan yang diberikan kepada orang yang tidak berbudi pula adalah seperti tulisan di permukaan air; ia akan hilang tanpa jejak dan tidak meninggalkan kesan.
3	இன்னா இளரே வறுரேவந் சதய்தியக்கால் இன்னா அளவில் இனியவும்-இன்னாத நாளல்ணா நாள்பூந்த நன்ணேரும் வபாலுவே ஆளில்ணா ணேங்கக் கழகு.	Kekayaan yang diperoleh di penghujung usia tidak akan dapat mengurangkan kesengsaraan yang dialami ketika muda. Seorang wanita yang menghabiskan masa mudanya tanpa kehadiran seorang lelaki (pasangan hidup) adalah seperti bunga yang mekar di luar musim.
4	அட்டாலும் பால் சுரவயில் குன்றா(து) அளவளாய் நட்டாலும் நண்பல்ணார் நண்பல்ணர் சகட்டாலும் வேன்ணேக்கள் வேன்ணேக்கவள ணங்கு சுட்டாலும் சவண்ரே தரும்.	Susu walau berapa lama pun dipanaskan tidak akan hilang rasa aslinya. Lelaki yang berakhlak rendah tidak akan menjadi sahabat yang baik. Orang yang mulia tidak akan berubah (sifatnya), walaupun mereka menderita kemiskinan, umpama kulit kerang yang kekal putih walaupun dibakar.
5	அடுத்து முயன்றாலும் ஆகும்நாள் அன்றி எடுத்த கருணைகள் ஆகா - சதாடுத்த உருவத்தால் நீண்ட உயர்ணைங்கள் எல்ணாம் பருவத்தால் அன்றிப் பழா.	Perkara hanya akan berlaku apabila masanya tiba, walau sekuat mana pun seseorang berusaha bersungguh- sungguh. Kerana pokok-pokok yang tumbuh tinggi sekalipun tidak akan berbuah sehingga musimnya tiba.

6	உற்ற இடத்தில் உயிர் வழங்கும் தன்ரேவயார் பற்றைரரக் கண்டால் பணிவவரா? கல் தூண் பிளந்து இறுவது அல்ைால் சபரும்பாரம் தாங்கின் தளர்ந்து வரளயுவோ தான்	Mereka yang secara semula jadi lebih rela mati jika perlu, Adakah mereka akan tunduk kepada musuh-musuh mereka? Batu penahan beban apabila ditindih dengan berat tambahan Akan pecah berderai daripada membengkok atau melengkung.
7	நீர் அளவவ ஆகுோம் நீர் ஆம்பல்; தான் கற்ற நூல் அளவவ ஆகுோம் நுண் அறிவு - வேரைத் தவத்து அளவவ ஆகுோம் தான் சபற்ற செல்வம் குைத்து அளவவ ஆகும் குணம்	Bunga teratai naik mengikut paras air di tempat ia terapung. Pengetahuan seseorang bergantung kepada buku- buku yang dibacanya. Kekayaan seseorang bergantung pada pahala kelahirannya yang terdahulu. Perangai seseorang bergantung pada kelas (status sosial atau keturunan) yang dianggotainya.
8	நல்ைாரரக் காண்பதுவும் நன்வற; நைம் மிக்க நல்ைார் சொல் வகட்பதுவும் நன்வற - நல்ைார் குணங்கள் உரரப்பதுவும் நன்வற அவவராடு இணங்கி இருப்பதுவும் நன்று	Adalah bermanfaat untuk melihat orang yang berakhlak mulia, Adalah bermanfaat untuk mendengar kata-kata mereka, Adalah bermanfaat untuk membicarakan kehidupan mereka, Dan adalah bermanfaat untuk memiliki mereka sebagai sahabat.
9	தீயாரரக் காண்பதுவும் தீவத; திரு அற்ற தீயார் சொல் வகட்பதுவும் தீவத - தீயார் குணங்கள் உரரப்பதுவும் தீவத; அவவராடு இணங்கி இருப்பதுவும் தீது	Adalah merosakkan jika kita melihat orang yang durjana (jahat), Adalah merosakkan jika kita mendengar kata-kata mereka, Adalah merosakkan jika kita membicarakan perangai mereka, dan adalah merosakkan jika kita memiliki mereka sebagai sahabat.
10	சநல்லுக்கு இரறத்த நீர் வாய்க்கால் வழி ஓடிப் புல்லுக்கும் ஆங்வக சபாசியுோம் - சதால் டைகில் நல்ைார் ஒருவர் உளவரல் அவர் சபாருட்டு எல்ைார்க்கும் சபய்யும் ேரழ	Air yang dicurahkan untuk mengairi sawah mengalir melalui terusan dan memberi manfaat kepada rumput yang tumbuh di sepanjang batas. Jika ada seorang lelaki yang baik tinggal di dunia ini, Hujan akan turun demi kebbaikannya untuk memberi manfaat kepada semua.

Dalam Jadual 2, terjemahan bagi lirik-lirik daripada *Venpa* 1 hingga *Venpa* 10 telah dipaparkan. Kesepuluh *Venpa* ini dipilih secara strategik daripada setiap bahagian karya bagi memastikan analisis yang mewakili keseluruhan struktur teks. Segmen-segmen yang disorot dalam terjemahan tersebut menonjolkan perbezaan ketara antara hasil HT dan MsT. Pembentangan data ini secara empirikal memperlihatkan jurang signifikan antara kedua-dua pendekatan tersebut.

Analisis dalam Jadual 2 berpaksikan teori penterjemahan Nida (1964), yang menekankan konsep “*ekuivalen dinamik*” atau kesepadanan makna secara semantik dan pragmatik antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Nida ialah seorang ahli linguistik terkenal yang dikenali melalui teori terjemahan *ekuivalen dinamik*, terutamanya dalam penterjemahan *Alkitab*. Karya beliau yang berjudul *Toward a Science of Translating* (1964) dianggap sebagai sumbangan penting dalam mewujudkan pendekatan saintifik terhadap bidang penterjemahan moden. Beliau turut bekerjasama dengan Charles Taber dalam karya klasik *The Theory and Practice of Translation* (1969), yang menghuraikan analisis linguistik dan prosedur penterjemahan dengan lebih mendalam.

Dalam konteks kajian ini, hasil terjemahan *Moothurai* yang dilakukan secara manual menunjukkan perbezaan yang jelas berbanding terjemahan automatik seperti MsT. Latar belakang penterjemah sebagai seorang sarjana Tamil yang berpengalaman memberikan kelebihan dalam memahami struktur linguistik, gaya puitis, serta nilai budaya dan moral yang terkandung dalam teks asal. Usaha terjemahannya bukan sekadar menggantikan perkataan, tetapi mencerminkan keupayaan intelektual dan sensitiviti budaya dalam menyampaikan intipati serta nilai moral setiap baris *Venpa*.

Kemahiran ini membolehkan penterjemah menghasilkan karya terjemahan yang bukan sahaja setia kepada teks asal, tetapi juga menyampaikan makna sebenar dalam Bahasa Melayu secara jelas dan indah. Jadual 2 berfungsi sebagai bukti keunggulan terjemahan manusia, khususnya apabila dijalankan oleh penterjemah yang memiliki penguasaan tinggi dalam kedua-dua bahasa dan budaya. Perbezaan yang disorot dalam ayat-ayat terjemahan ini menunjukkan kepekaan terhadap konteks dan estetika bahasa tentang sesuatu yang sukar dicapai oleh terjemahan mesin. Seperti yang dinyatakan oleh Nida (1964), kejayaan sesuatu terjemahan bukan hanya bergantung kepada ketepatan linguistik, tetapi juga kepada keupayaan menyampaikan makna dan emosi asal secara berkesan kepada khalayak sasaran. Dalam hal ini, HT jauh mengatasi MsT kerana ia mampu menangkap nilai moral, kebijaksanaan dan keindahan falsafah yang tersirat dalam *Moothurai*.

Kesimpulannya, Jadual 2 bukan sekadar memaparkan hasil terjemahan, tetapi juga menjadi bukti empirikal terhadap kelebihan pendekatan manusiawi dalam menterjemah karya sastera klasik. Perbandingan ini mengukuhkan lagi hakikat bahawa interpretasi manusia, yang didasari empati budaya dan pertimbangan semantik, tidak dapat digantikan oleh algoritma kecerdasan buatan.

Jadual 2: Terjemahan Moothurai oleh Manusia (HT)

Nombor Venpa	Lirik Venpa	Penterjemahan Microsoft (MsT)
1	நன்றி ஒருவர்க்குச் செய்தக்கால் அந்நன்றி 'என்று தருங்சகால்' எனவவண்டாம் - நின்று தளரா வளர்ச்சதங்கு தாளுண்ட நீரரத் தரையாவை தான்தருத ைால்.	Apabila kita menghulurkan bantuan kepada yang memerlukan, janganlah sesekali mengharap balasan atau ucapan terima kasih. Ini persis seperti pokok kelapa yang menyerap air dari akarnya di dalam tanah, namun kemudiannya menghasilkan air yang manis di bahagian pucuknya.

2 நல்஁ர் ஒருவர்க்குச் செய்த உபகாரம் கல்வேல் எழுத்துவபால் காணுவே – அல்஁ாத ஈரமி஁ சநஞ்஁த்தார்க் கீந்த உபகாரம் நீர் வேல் எழுத்துக்கு வநர்.	Bantuan yang dihulurkan kepada orang yang baik itu seperti ukiran pada batu; ia akan kekal terpahat dan sentiasa dikenang oleh semua. Sebaliknya, bantuan yang diberikan kepada orang yang tidak berhati perut (tidak berbelas kasihan) itu tidak akan memberi manfaat kepada sesiapa. Ia ibarat menulis di permukaan air, yang akan lenyap tanpa meninggalkan sebarang kesan.
3 இன்னா இளரே வறுரேவந் சதய்தியக்கால் இன்னா அளவில் இனியவும்-இன்னாத நாளல்஁ நாள்பூந்த நன்஁஁ரும் வபாலுவே ஆளில்஁ ஁஁ரகக் கழகு.	Kemiskinan di usia muda dan kekayaan yang diperoleh di usia tua yang tidak berdaya hanya akan membawa penderitaan. Ia tidak dapat dinikmati. Ini ibarat bunga yang mekar di luar musimnya. Begitu juga, kecantikan wanita tanpa pasangan hidup adalah sia-sia.
4 அட்டாலும் பால் சுரவயில் குன்றா(து) அளவளாய் நட்டாலும் நண்பல்஁ர் நண்பல்஁ர் சகட்டாலும் வேன்஁க்கள் வேன்஁க்கவள ஁஁ங்கு சுட்டாலும் சவண்ரே தரும்.	Walaupun kita bergaul rapat dengan mereka yang tidak berakhlak mulia, mereka tidak akan menjadi sahabat sejati. Namun, orang yang berpekerti mulia akan tetap melayan kita dengan baik, meskipun kedudukan kita jatuh. Persahabatan mereka seperti susu yang tidak akan hilang rasanya walau berapa kali dipanaskan. Persahabatan mereka juga umpama kulit kerang yang semakin putih apabila dibakar dalam api.
5 அடுத்து முயன்றாலும் ஆகும்நாள் அன்றி எடுத்த கரு஁ங்கள் ஆகா – சதாடுத்த உருவத்தால் நீண்ட உயர்஁ர்கள் எல்஁ாம் பருவத்தால் அன்றிப் பழா.	Walaupun pokok-pokok yang tinggi dan rimbun sekalipun, ia hanya akan berbuah apabila tiba musimnya. Begitu juga, walau sekuat mana pun kita berusaha, segala usaha kita hanya akan membuahkan hasil apabila masanya sesuai.
6 உற்ற இடத்தில் உயிர் வழங்கும் தன்ரேவயார் பற்றைரரக் கண்டால் பணிவவரா? கல் தூண் பிளந்து இறுவது அல்஁ால் சபரும்பாரம் தாங்கின் தளர்ந்து வரளயுவோ தான்	Tiang, jika menanggung beban melebihi hadnya, akan pecah dan roboh, bukannya membengkok. Begitu juga, mereka yang berjiwa besar dan sanggup berkorban nyawa jika maruah tercemar, tidak akan sekali-kali tunduk kepada musuh.
7 நீர் அளவவ ஆகு஁ாம் நீர் ஆம்பல்;தான் கற்ற நூல் அளவவ ஆகு஁ாம் நுண் அறிவு - வேரைத் தவத்து அளவவ	Bunga teratai akan tumbuh sejajar dengan paras air di mana ia hidup. Pengetahuan kita sebanding dengan jumlah buku yang kita baca. Kekayaan yang kita nikmati sekarang bergantung pada pahala yang kita

	ஆகுோம் தான் சபற்ற செல்வம் குைத்து அளவவ ஆகும் குணம்	kumpul di kehidupan sebelumnya. Seperti itu, perangai kita pula terbentuk mengikut keturunan atau darjat kita.
8	நல்ைாரரக் காண்பதுவும் நன்வற; நைம் மிக்க நல்ைார் சொல் வகட்பதுவும் நன்வற - நல்ைார் குணங்கள் உரரப்பதுவும் நன்வற அவவராடு இணங்கி இருப்பதுவும் நன்று	Melihat orang yang baik, mendengar kata-kata mereka yang bermanfaat, membicarakan kebaikan mereka kepada orang lain, dan bergaul dengan mereka adalah perbuatan yang baik dan bermanfaat bagi kita.
9	தீயாரரக் காண்பதுவும் தீவத; திரு அற்ற தீயார் சொல் வகட்பதுவும் தீவத - தீயார் குணங்கள் உரரப்பதுவும் தீவத; அவவராடு இணங்கி இருப்பதுவும் தீது	Kita akan mendapat kemudahan jika melihat orang-orang yang jahat, mendengar kata-kata mereka yang tidak bermanfaat, membicarakan tentang perihai mereka kepada orang lain, dan bersahabat dengan mereka.
10	சநல்லுக்கு இரறத்த நீர் வாய்க்கால் வழி ஓடிப் புல்லுக்கும் ஆங்வக சபாசியுோம் - சதால் டைகில் நல்ைார் ஒருவர் உளவரல் அவர் சபாருட்டு எல்ைார்க்கும் சபய்யும் ேரழ	Air yang dialirkan petani untuk mengairi sawah, turut memberi manfaat kepada rumput-rumpai yang tumbuh di sekelilingnya. Begitu juga, di dunia yang tua ini, hujan (berkat) yang turun demi seorang insan yang baik hati akan memberi manfaat kepada semua.

Perbezaan Terjemahan antara MsT dan HT

Jadual 3 memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap keberkesanan Terjemahan *Microsoft* (MsT) dan Terjemahan Manusia (HT) dalam menterjemah karya klasik *Moothurai* ke dalam Bahasa Melayu. Jadual ini menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi pendekatan dan hasil antara kedua-dua kaedah tersebut, sekali gus menonjolkan cabaran utama dalam proses penterjemahan teks sastera klasik yang sarat dengan nilai falsafah dan budaya.

Perbezaan pertama yang paling menonjol dapat dilihat pada pemilihan perkataan. Terjemahan yang dihasilkan melalui MsT cenderung menggunakan perkataan yang tidak tepat atau tidak sesuai dengan konteks, sehingga mengubah makna asal teks sumber. MsT bergantung kepada pangkalan data dan algoritma kecerdasan buatan, yang beroperasi berdasarkan corak linguistik tanpa keupayaan memahami makna tersirat, simbolisme, dan dimensi emosi dalam teks. Hal ini menjadikan MsT sering menghasilkan terjemahan literal yang kering daripada segi konteks budaya dan estetik.

Sebaliknya, penterjemah manusia mampu menginterpretasikan makna tersirat dalam konteks yang lebih luas. *Moothurai* mengandungi pelbagai unsur budaya, nilai moral, serta metafora falsafah yang memerlukan kepekaan terhadap bahasa dan budaya asal. Penterjemah manusia mempunyai kelebihan dalam memahami maksud tersirat, sekaligus mengekalkan nuansa dan lapisan makna yang terkandung dalam teks. Kekurangan keupayaan pemahaman kontekstual ini menjadikan MsT gagal menangkap unsur budaya yang menjadi teras kepada keindahan karya klasik tersebut.

Selain itu, aspek konteks linguistik dan budaya memainkan peranan penting dalam menentukan ketepatan terjemahan. MsT tidak mempunyai kesedaran budaya (*cultural awareness*) untuk menyesuaikan gaya atau idiom agar sesuai dengan latar pembaca sasaran. Sebagai perbandingan, penterjemah manusia dapat menyesuaikan bentuk bahasa agar kekal setia kepada maksud asal, sambil memastikan keterbacaan dan kesesuaian terhadap konteks masa kini.

Walaupun kedua-dua pendekatan MsT dan HT mempunyai kelebihan dan cabaran tersendiri, hasil kajian menunjukkan bahawa kelemahan MsT lebih ketara apabila diterapkan terhadap karya sastra klasik seperti *Moothurai*. Karya ini sarat dengan falsafah, emosi dan simbolisme moral yang tidak dapat ditangkap melalui penterjemahan literal semata-mata. Terjemahan yang baik tidak hanya bergantung pada padanan kata, tetapi juga kepada pemahaman terhadap perasaan, budaya, dan “roh” teks asal.

Keupayaan penterjemah manusia untuk memahami kedua-dua bahasa seperti sumber dan sasaran serta budaya yang melatarinya menjadikan hasil terjemahan lebih autentik dan bermakna. Penterjemah manusia juga mampu mengekalkan gaya dan nada karya asal, sambil menyensuainya agar sesuai dengan latar pembaca kontemporari tanpa menjejaskan mesej moral atau nilai estetika teks.

Kesimpulannya, perbandingan antara MsT dan HT menunjukkan bahawa penterjemahan karya klasik seperti *Moothurai* menuntut lebih daripada sekadar kecekapan linguistik. MsT terbukti terhad kerana bergantung pada sistem algoritma tanpa keupayaan memahami konteks dan emosi. Sebaliknya, HT menunjukkan ketepatan yang lebih tinggi kerana didasari kefahaman mendalam terhadap bahasa, budaya, dan falsafah teks asal. Oleh itu, untuk mengekalkan makna sebenar, keindahan serta nilai rohani karya seperti *Moothurai*, peranan penterjemah manusia adalah tidak dapat digantikan.

Jadual 3: Ketepatan dalam MsT dan HT

Nombor Venpa	Penterjemahan Microsoft (MsT)	Penterjemahan Manusia (HT)
1	X	X
2	X	X
3	X	/
4	X	/
5	X	/
6	X	/
7	X	X
8	X	X
9	X	/
10	X	/

Teknik Terjemahan bagi MsT dan HT

Terjemahan merupakan proses penukaran mesej daripada satu bahasa kepada bahasa lain dengan tujuan menyampaikan makna asal secara tepat dan berkesan. Dalam kajian ini, pelbagai strategi terjemahan diaplikasikan dalam Terjemahan *Microsoft* (MsT) dan Terjemahan Manusia (HT), berpanduan kepada Teori Terjemahan Peter Newmark (1988). Menurut Newmark, terdapat beberapa teknik utama dalam penterjemahan, iaitu:

- 1) Terjemahan perkataan demi perkataan (*word-for-word translation*),
- 2) Terjemahan harfiah (*literal translation*),
- 3) Terjemahan setia (*faithful translation*),
- 4) Terjemahan semantik (*semantic translation*),
- 5) Adaptasi (*adaptation*),
- 6) Terjemahan bebas (*free translation*),
- 7) Terjemahan idiomatik (*idiomatic translation*), dan
- 8) Terjemahan komunikatif (*communicative translation*).

Kedua-dua pendekatan MsT dan HT menggunakan sebahagian daripada teknik-teknik ini, namun tahap keberkesanannya berbeza bergantung pada sifat teks dan keupayaan interpretasi yang terlibat.

Dalam kajian ini, kedua-dua kaedah mesin dan manusia digunakan bagi menterjemahkan *Moothurai* daripada bahasa Tamil ke dalam Bahasa Melayu. Bagi MsT, kecerdasan buatan (AI) yang berpandukan pangkalan data linguistik digunakan untuk menghasilkan terjemahan automatik. Jenis terjemahan ini bersifat literal, kerana sistem cuba memadamkan perkataan secara langsung antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Namun demikian, pendekatan literal ini sering gagal menangkap keseluruhan makna teks asal. Ia berpotensi menghasilkan ayat yang janggal, tidak semantik, atau mengandungi ungkapan yang tidak sesuai dalam konteks bahasa sasaran. Disebabkan algoritma MsT hanya menganalisis perkataan secara individu tanpa mempertimbangkan konteks semantik dan budaya, hasil terjemahannya sering kedengaran mekanikal serta kurang semula jadi.

Dalam konteks *Moothurai*, MsT didapati menggunakan pendekatan terjemahan perkataan demi perkataan dan terjemahan literal terhadap setiap couplet secara berasingan. Akibatnya, terjemahan yang dihasilkan menunjukkan kelemahan dari segi pemilihan perkataan, ketepatan makna, serta pemahaman konteks budaya. Justeru, pendekatan literal yang diaplikasikan oleh MsT tidak menghasilkan terjemahan yang memadai untuk karya klasik yang sarat dengan nilai falsafah dan emosi seperti *Moothurai*.

Sebaliknya, HT yang berasaskan teori Nida (1964) menunjukkan tahap ketepatan yang lebih tinggi. Penterjemah manusia menggunakan kemahiran bahasa serta pertimbangan kontekstual untuk menghasilkan terjemahan yang lebih halus, semula jadi dan sesuai dengan budaya sasaran. Walaupun pendekatan perkataan demi perkataan turut digunakan dalam HT, penterjemah manusia melaksanakannya dengan pemahaman mendalam terhadap struktur linguistik dan makna tersirat.

Kaedah yang digunakan oleh Nida (1964), iaitu penterjemahan *ekuivalen dinamik*, menekankan kesepadanan makna dan kesan terhadap pembaca sasaran. Dalam kajian ini, penterjemah manusia memberi tumpuan kepada pemahaman makna sebenar setiap perkataan dalam *Moothurai* sebelum menterjemahkannya ke dalam Bahasa Melayu dengan mempertimbangkan konteks dan gaya bahasa asal. Walaupun terdapat beberapa kesilapan kecil, hasil terjemahan manusia secara keseluruhan jauh lebih baik daripada hasil MsT.

Namun begitu, terjemahan manusia kadangkala menggunakan kosa kata yang agak kompleks, yang mungkin menimbulkan kesukaran bagi pembaca umum. Walaupun begitu, penggunaan

bahasa yang lebih bernuansa ini membolehkan penyampaian makna yang lebih tepat dan kaya secara budaya.

Secara keseluruhannya, perbandingan antara MsT dan HT dalam kajian ini menunjukkan bahawa kedua-dua kaedah mempunyai kekuatan dan kelemahan tersendiri. MsT menonjol dari segi kecepatan dan kemudahan capaian, tetapi terhad dari segi kepekaan budaya dan ketepatan semantik. Sebaliknya, HT menawarkan hasil yang lebih bermakna dan berkualiti kerana melibatkan unsur kemanusiaan iaitu empati linguistik, kepekaan budaya dan kreativiti intelektual yang tidak dapat digantikan oleh algoritma mesin.

Kesimpulan

Rumusannya, penterjemahan karya sastera merupakan antara tugas yang paling mencabar dalam bidang terjemahan kerana ia bukan sahaja melibatkan pemindahan makna linguistik, tetapi juga penghayatan terhadap nilai budaya, gaya bahasa, dan keindahan estetik yang terkandung dalam bahasa sumber. Kajian ini menunjukkan bahawa proses penterjemahan dengan menggunakan kecerdasan buatan (AI) melalui Terjemahan *Microsoft* (MsT) dan Terjemahan Manusia (HT) menghasilkan perbezaan yang ketara dari segi ketepatan, kefahaman konteks, dan kesetiaan terhadap mesej asal teks *Moothurai*.

Walaupun kedua-dua pendekatan ini mempunyai tujuan yang sama, iaitu menyampaikan makna daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran, hasil yang diperoleh berbeza dengan ketara. Secara teorinya, terjemahan mesin direka untuk memudahkan pengguna memperoleh makna tanpa perlu bergantung pada kamus atau rujukan manual, namun hasil terjemahannya masih jauh daripada sempurna. Keterbatasan algoritma dan keupayaan AI untuk memahami nuansa makna tersirat menyebabkan MsT gagal menangkap dimensi budaya dan gaya bahasa sastera Tamil yang halus dalam *Moothurai*.

Sebaliknya, penterjemahan manusia menunjukkan ketepatan yang lebih tinggi kerana melibatkan unsur pemikiran kritikal, kepekaan budaya, serta kebijaksanaan linguistik yang tidak dapat dicapai oleh mesin. Penterjemah manusia mampu menilai makna tersirat, memilih diksi yang tepat, menyesuaikan nada, serta mengekalkan kesetiaan terhadap makna asal sambil memastikan kesesuaian dengan khalayak pembaca sasaran.

Dalam konteks terjemahan karya klasik seperti *Moothurai*, unsur budaya, nilai moral, dan falsafah yang terkandung di dalamnya memerlukan kepekaan yang mendalam terhadap konteks sosial dan semantik. Hal ini menjadikan peranan manusia sebagai penterjemah masih relevan dan sukar digantikan sepenuhnya oleh teknologi AI. Kesimpulannya, walaupun terjemahan mesin menawarkan kemudahan dan kecepatan dalam proses penterjemahan, hasilnya masih belum mampu menandingi ketepatan, kehalusan makna, dan keindahan bahasa yang dapat dihasilkan melalui penterjemahan manusia. Oleh itu, bagi karya sastera yang sarat dengan nilai budaya dan makna mendalam seperti *Moothurai*, penterjemahan manusia kekal sebagai pendekatan yang paling sesuai dan berautoriti dalam memastikan keaslian mesej serta keindahan teks asal dapat dikekalkan.

Rujukan

- Al Mahasees, Z. (2020). *Diachronic evaluation of Google Translate, Microsoft Translator, and Sakhr in English-Arabic translation* [Unpublished master's thesis]. The University of Western Australia.
- Ahmad Fikri Ab. Rahman, & Zamri Mahamod. (2019). Teknik lakaran bersama peta alir i-Think meningkatkan kemahiran menjana idea murid etnik Lun Bawang dalam karangan autobiografi. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 12–22. <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/issue/view/54>
- Baker, M. (1992). *In other words: A coursebook on translation*. Routledge.
- Bassnett, S., & Lefevere, A. (Eds.). (1998). *Constructing cultures: Essays on literary translation*. Multilingual Matters.
- B. Palanisamy, M. (2017). Research on error analysis in translation of Tamil text into Malay [Kajian kesilapan penterjemahan teks bahasa Tamil ke bahasa Melayu]. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 2(1), 12–27.
- Crystal, D., & Potter, S. (2018, October 19). *English language: Origin, history, & characteristics*. *Encyclopædia Britannica*. <https://www.britannica.com/topic/English-language>
- Dorn, L. (1985). *Approaches to translation (Language Teaching Methodology Series)* [Review of the book *Approaches to Translation* by P. Newmark]. *Studies in Second Language Acquisition*, 7(1), 114–115. <https://doi.org/10.1017/S0272263100005222>
- Ezhilarasan, V. (2017, December). *Moothurai translation song 1 to 10*. <https://e3general.blogspot.com/2017/12/moothurai-translation-free-english.html>
- Fengling, L. (2017). A comparative study of Nida and Newmark's translation theories. *International Journal of Liberal Arts and Social Science*, 5(8), 31–39. https://ijlass.org/data/frontImages/gallery/Vol._5_No._8/4.31-39.pdf
- Gomathi Baturalai, Veeramohan Veeraputhran, & Manimangai Mani. (2023, February). ஒளவையார் மூதுரை விளக்கவுரையுடன் ஆங்கில மொழிபெயர்ப்பு ஒர் ஒப்பீடு [A comparative study of Avvaiyar's *Moothurai* with English translation and commentary]. *1st International Avvai Tamil Literature Conference*, University of Malaya, Malaysia.
- Lu. (2012). *Theory and practice in language studies*. Academy Publication. <http://www.academypublication.com/issues/past/tpls/vol02/04/tpls0204.pdf#page=97>
- Nakkeran. (2019, December 10). *Thesis: Educational thought in the Tamil moral literature*. <http://nakkeran.com/index.php/2019/12/10/thesis-educational-thought-in-the-tamil-moral-literature/>
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. Prentice Hall.
- Nida, E. A. (1964). *Toward a science of translating: With special reference to principles and procedures involved in Bible translating*. E. J. Brill.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1969). *The theory and practice of translation* (Vol. 8). E. J. Brill.
- Nida, E. A., & Taber, C. R. (1982). *The theory and practice of translation*. Brill.
- S. Jayabarathi. (2017, December 31). *A short introduction on Auvaiyar*. Tamil Nation. <https://tamilnation.org/literature/auvaiyar/introduction.htm>
- சு. ஜெனிபர். (2017, January 27). ஆய்வு: நீதி இலக்கியங்களில் ஒளவையார். *Nakkeran*. <http://nakkeran.com/index.php/2019/12/10/thesis-educational-thought-in-the-tamil-moral-literature/>
- Venkatachalam. (2017, November). *Moothurai translation song 1 to 10*. <https://e3translation.blogspot.com/2018/11/moothurai-translation-song-1-to-10.html>

Zubaidah Ibrahim. (2006). Pendahuluan – Kajian bahasa dan isu-isu terjemahan. Dalam Zubaidah Ibrahim, Abdul Rahim Mat Yassim, & Supramani a/l Shoniah (Eds.), *Kajian bahasa dan terjemahan* (hlm. ix–xv). Penerbit Universiti Malaya.